




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
PCTI CURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



RujKami : JKNPP/04/12/7 JLD. 12 (12)

Tarikh : 19 September 2024

**Semua Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato'/YAA/YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI BILANGAN 2 TAHUN 2024 – PENAMBAHBAIKAN
LAPORAN BUKU PANJAR WANG RUNCIT DI MODUL PENGURUSAN TUNAI
(CM), SISTEM iSPEKS**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penambahbaikan Laporan Buku Panjar Wang Runcit di Modul CM, sistem iSPEKS telah dilaksanakan bagi mengatasi isu ketidaktepatan amaun baki dibawa ke hadapan dalam Laporan Buku Panjar Wang Runcit.

3. Arahkan Operasi ini bertujuan menghuraikan dengan lebih terperinci mengenai persediaan *deployment Change Request* (CR) serta tindakan melibatkan Pusat Tanggungjawab (PTJ), Bendahari Negeri (BN), Vendor dan Bahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (BKP JANM). Arahkan Operasi ini turut memaklumkan mengenai penetapan tarikh *cut-off* dan tempoh blackout *period* (melibatkan Panjar) yang perlu dipatuhi dalam menjayakan *deployment* ini.

4. Terdapat tiga (3) fasa aktiviti yang perlu dilaksanakan iaitu sebelum, semasa dan selepas oleh PTJ, BN, Vendor dan BKP JANM yang akan melibatkan tempoh blackout *period* selama 16 hari mulai 21 September 2024 sehingga 6 Oktober 2024. Selama tempoh ini, semua urusan melibatkan Panjar akan dibuat secara manual. Berikut adalah jadual pelaksanaan terperinci:

1. SEBELUM BLACKOUT PERIOD	TARIKH	TINDAKAN
i. PTJ selesaikan aktiviti panjar dalam sistem iSPEKS terutamanya proses rekupmen sebelum blackout <i>period</i> bagi semua kad kecil terlibat. Ini bagi memastikan PTJ mempunyai wang tunai panjar di tangan yang mencukupi untuk digunakan sepanjang tempoh blackout <i>period</i> .	20.09.2024	PTJ

ii. PTJ menjana laporan berkaitan pada <i>cut off date</i> dan menyemak baki panjar masing-masing	20.09.2024	PTJ
iii. Menyemak baki di laporan Penyata Kewangan (GL) berkaitan.	20.09.2024	BN
2. SEMASA BLACKOUT PERIOD	TARIKH	TINDAKAN
i. Vendor nyahaktif (<i>deactivate</i>) semua proses kemasukan data panjar dari menu CM dalam sistem iSPEKS bermula pada 21.09.2024 sehingga 06.10.2024 manakala menu laporan masih tetap boleh diakses seperti biasa.	21.09.2024	VENDOR
ii. PTJ mengemukakan maklumat baki Panjar bagi setiap kad kecil dengan melengkapkan format seperti di Lampiran dan kemukakan kepada BN.	23.09.2024	PTJ
iii. BN mengumpul dan menyelaraskan maklumat baki panjar bagi setiap kad kecil dan kemukakan kepada BKP JANM.	26.09.2024	BN
iv. BKP JANM menyelaraskan maklumat baki panjar yang diterima daripada BN dan kemukakan kepada vendor.	27.09.2024	BKP JANM
v. Vendor melaksanakan <i>deployment</i> dan migrasi data (baki panjar).	27.09.2024 - 29.09.2024	VENDOR
vi. PTJ jana Laporan Buku Panjar Wang Runcit (Baru), semak baki awal panjar dan seterusnya membuat pengesahan baki kepada BN. Nota : Amaun baki awal panjar pada Laporan sepatutnya sama seperti baki akhir pada tarikh <i>cut-off</i> (seperti amaun yang dikemukakan oleh PTJ di para 2(ii)).	30.09.2024 - 02.10.2024	PTJ


vii. BN melaporkan status pengesahan baki awal panjar PTJ kepada BKP JANM.	03.10.2024	BN
viii. Semakan dan tindakan lanjut oleh BKP JANM dan Vendor (jika ada isu berbangkit).	04.10.2024 - 06.10.2024	BKP JANM dan VENDOR
3. SELEPAS BLACKOUT PERIOD	TARIKH	PTJ/BN/VENDOR
i. Vendor aktifkan fungsi panjar dalam Sistem iSPEKS mengikut negeri (jika baki awal panjar tiada masalah) dan PTJ boleh melaksanakan proses panjar dalam sistem iSPEKS seperti biasa. Blackout <i>period</i> tamat.	07.10.2024	VENDOR

5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YB Dato'/YAA/YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh merujuk kepada Unit Akaun, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) di talian 04-2623505.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN c.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang.

☎ 04-2623505 samb. 105

✉ masni.aryanti@penang.gov.my

s.k. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri